

Syor pertanian kokurikulum wajib sekolah

BH

6/4/15

Bera: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mencadangkan pertanian dijadikan sebagai kokurikulum wajib di sekolah menengah, bagi mendedahkan pelajar kepada bidang itu yang mampu menjana pendapatan lumayan.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata langkah itu bagi mendedahkan pelajar kepada bidang berkenaan di peringkat sekolah yang dapat membantu kerajaan mencapai sasaran melahirkan usahawan muda pertanian.

Beliau berkata, bidang pertanian terbukti memberikan pulangan lumayan sekiranya diusahakan dengan betul dan menggunakan teknologi moden untuk mengeluarkan hasil tanaman menepati kehendak pelanggan.

“Berdasarkan statistik, seramai 3,963 peserta berdaftar dengan pelbagai agensi dan jabatan di bawah kementerian sebagai Agropreneur Muda.

“Daripada jumlah itu, 103 peserta terbabit dalam bidang industri tani; 788 (projek pertanian dan tanaman); 648 (ternakan); 543 (pertanian kaedah fertigasi); 466 (perikanan) dan 444 (ternakan lebah),” katanya ketika merasmikan Program Bicara Niaga Agropreneur Muda dan penyampaian sumbangan Azam Tani Bera 2015, dekat sini, semalam.